



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 3, 21 DAN 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj. Kami : PTGPP/H/2173Jld.34 (98)

Tarikh : 14 Mei 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN 06/2020

GARISPANDUAN PENGURUSAN TERIMAAN DI KAUNTER PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) SERTA PEJABAT TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG (PTG).

Arahan ini bertujuan untuk menasihatkan Pentadbir-Pentadbir Tanah mengenai panduan pengurusan terimaan di kaunter Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2019.

2. Pentadbiran ini mendapati wujudnya permasalahan berkaitan cek tak laku di Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Tanah dan Galian di negeri Pulau Pinang yang menyebabkan kehilangan hasil atau kerugian di pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Justeru itu, Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah memastikan langkah-langkah keselamatan diamalkan semasa penerimaan di kaunter. Antara langkah-langkah keselamatan yang bersesuaian adalah seperti berikut:

A. Tunai

- i. matawang sah diperakukan Ringgit Malaysia sahaja; dan
- ii. semak dan pastikan ketulenan tunai yang diterima.

B. Kad Kredit/ Kad Debit

- i. pastikan pelanggan menggunakan Kad Debit dan Kad Kredit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan tempatan.

C. Cek

- i. pastikan maklumat cek seperti berikut:
 - a. tarikh cek dalam tempoh sah laku;
 - b. nama penerima atas nama "**Pentadbir Tanah Daerah**" adalah betul;
 - c. amaun dalam perkataan dan angka adalah sama; dan
 - d. mempunyai tandatangan;
- ii. tiada sebarang pindaan/rosak/koyak
- iii. pastikan di belakang cek dicatatkan maklumat berikut:
 - a. kod Kumpulan PTJ & PTJ; dan
 - b. nama dan nombor telefon pembayar.

D. Deraf Bank/ Wang Pos/ Kiriman Wang

- i. pastikan tempoh Deraf Bank/ Wang Pos/ Kiriman Wang masih sah laku.
- ii. pastikan di belakang Deraf Bank/ Wang Pos/ Kiriman Wang dicatatkan maklumat berikut:
 - a. kod Kumpulan PTJ & PTJ; dan
 - b. nama dan nombor telefon pembayar.

Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Tanah dan Galian hendaklah memastikan langkah-langkah keselamatan yang ditetapkan dalam arahan ini dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AKMAR BIN HAJI OMAR)

Pengarah Tanah dan Galian

Pulau Pinang

s.k: Fail Timbul

SENARAI EDARAN

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betek, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Tingkat 51, Bangunan Komtar
10000 Pulau Pinang

Pentadbir Tanah
Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang